

# Pentadbiran Undang-Undang Jenayah Islam Di Malaysia

Prof. Madya Dr. Mahfodz Mohamed\*

## Pengertian Jenayah Dalam Islam

Perkataan jenayah berasal daripada kata kerja “*Jana*” yang bererti memetik. Contohnya seperti perkataan “*Jana Al- Thamar*” yang bererti ia memetik buah. Dari segi bahasa, “Jenayah” bermakna nama bagi suatu kejahanan yang dilakukan oleh seseorang. Manakala menurut istilah syarak pula ia bererti nama bagi perbuatan yang dilarang oleh syarak sama ada yang berkaitan dengan nyawa atau harta benda.<sup>1</sup> Tetapi ulama-ulama Fiqh pada kebiasaannya menggunakan perkataan jenayah membunuh dan mencederakan anggota tubuh badan. Oleh sebab itu di dalam kitab-kitab fiqh didapati masalah-masalah pembunuhan dan kecederaan anggota tubuh badan diletakkan di bawah bab *al- Jinayah* atau *al-Jirah*.<sup>2</sup>

Manakala kesalahan lain seperti berzina, mencuri, keluar daripada Islam (*riddah*) merompak atau menyamun dan lain-lain adalah diletakkan di bawah tajuk atau bab *al-Hudud*.<sup>3</sup>

Menurut definisi yang lebih luas, jenayah merupakan semua jenis kesalahan, sama ada yang melibatkan nyawa, tubuh badan, harta benda, akal fikiran dan agama.

\* Ketua Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Penulis buku Undang-undang Jenayah Islam (*Qisas*). Bergiat di dalam Persatuan Ulama Malaysia.

Ataupun kesalahan-kesalahan melanggar larangan-larangan syarak seperti berzina, mencuri, berjudi, minum arak dan sebagainya. Atau kesalahan-kesalahan kerana meninggalkan perintah-perintah Allah seperti sembahyang, puasa, haji dan sebagainya. Dengan pengertian ini bererti segala dosa dan maksiat sama ada yang kecil atau besar adalah termasuk dalam pengertian jenayah menurut hukum syarak.

### Pembahagian Jenayah

Timbulnya pembahagian jenayah dalam Islam adalah berpunca daripada beberapa kepentingan (*maslahah*) yang wajib dijaga dan dipelihara oleh setiap individu, iaitu kepentingan agama Islam, nyawa, tubuh badan, akal, keturunan dan harta benda kerana pembahagian dan kesejahteraan hidup di dunia tidak bermakna sekiranya kepentingan-kepentingan itu diganggu dan dicerobohi.<sup>4</sup>

Untuk menjaga supaya kepentingan-kepentingan itu terselamat daripada pencabulan dan pencerobohan, maka disyariatkan hukuman-hukuman seperti potong tangan bagi pesalah curi, rejam atau seratus kali rotan bagi pesalah-pesalah zina dan qisas bagi kesalahan bunuh dan mencederakan tubuh badan dan sebagainya.

Berdasarkan kepada kepentingan yang asasi itulah maka ulama-ulama membahagikan jenayah dan hukumannya kepada tiga jenis iaitu *hudud*, *qisas* dan *ta'zir*.

Hudud ialah hukuman-hukuman yang telah ditetapkan syarak melalui nas-nas al-Quran dan al-Sunnah bagi kesalahan yang melibatkan hak Allah, seperti kesalahan berzina yang ditentukan hukuman-hukumannya.

Allah berfirman yang bermaksudnya:

*"Penzina perempuan dan penzina lelaki hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang daripada sebanyak seratus kali."*

(An-Nur: 2)

Kesalahan curi telah ditetapkan hukumannya oleh syarak dalam surah Al-Ma'idah ayat 38, "dan pencuri lelaki dan perempuan hendaklah kamu potong tangan kedua-duanya."

Qisas, seperti mana *hudud* juga adalah sejenis hukuman yang telah ditetapkan oleh syarak menerusi al-Quran dan al-Sunnah. Tetapi bagi kesalahan yang melibatkan hak individu, seperti membunuh dan mencederakan anggota tubuh badan, pada dasarnya hukuman *qisas* ini menyamai dengan jenayah yang dilakukan.

Manakala *ta'zir* pula adalah sejenis hukuman yang tidak ada ketetapan secara terperinci sama ada dalam al-Quran mahupun al-Sunnah. Ianya terserah kepada ijihad dan budi bicara hakim untuk menentukan hukuman bagi kesalahan yang lain daripada *hudud*, *qisas* dan *kifarat*. *Hudud* dan *qisas* sama ada dari segi jenis kesalahan ataupun hukumannya adalah terbatas. Tetapi *ta'zir* meliputi kesalahan-kesalahannya yang sangat luas iaitu daripada kesalahan yang sekecil-kecilnya sehingga kepada kesalahan besar dan begitu juga dari segi hukuman-hukumannya pun daripada hukuman yang

paling ringan sehingga hukuman paling berat adalah termasuk dalam kategori ta'zir.

### Pentadbiran Undang-Undang Jenayah Islam Di Malaysia

Untuk mengetahui bagaimana undang-undang Islam khususnya undang-undang jenayah Islam ditadbirkan atau dilaksanakan di Malaysia, tumpuan kita adalah kepada enakmen pentadbiran undang-undang Islam di negeri-negeri di Malaysia kerana perkara berhubung dengan hal-ehwal agama Islam dan orang-orang Islam telah diperuntukkan secara khusus dalam enakmen-enakmen tersebut.

Kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam di negeri-negeri di Malaysia terlalu kecil jika dibandingkan dengan jenis jenayah dalam Islam. Kesalahan-kesalahan itu boleh diletakkan dalam enam jenis.<sup>5</sup>

1. Kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian, seperti tidak membuat laporan kahwin, rujuk, cerai, tidak memberi nafkah dan lain-lain.
2. Bersekedudukan haram seperti zina dan khalwat.
3. Minuman yang memabukkan.
4. Gagal menunaikan kewajipan ibadah khususnya seperti sembahyang Jumaat, puasa pada bulan Ramadhan, membayar zakat dan lain-lain.
5. Penukaran agama.
6. Pelbagai kesalahan-kesalahan lain seperti mengajar tanpa tauliah, mengajar ajaran salah, mencerca agama, mendirikan masjid dan surau atau salat Jumaat tanpa kebenaran dan lain-lain.

Kesalahan hudud yang diperuntukkan dalam enakmen-enakmen hanyalah kesalahan zina dan meminum minuman yang memabukkan.

*"Mana-mana lelaki Islam yang bersetubuh dengan seorang perempuan yang telah diketahuinya atau ada sebab-sebab yang boleh dipercayai bahawa perempuan itu adalah isteri orang lain dan tidak ada tuduhan rogol di bawah Kanun Keseksaan, atau persetubuhan itu tidak menjadi kesalahan rogol di bawah Kanun Keseksaan adalah melakukan suatu kesalahan zina dan apabila sabit boleh dihukum dengan didenda tidak lebih daripada seribu ringgit atau penjara tidak lebih dari enam bulan atau kedua-duanya."<sup>6</sup>*

Bagi sesetengah negeri pula peruntukan berkenaan zina telah dimansuhkan atau dipinda kepada khalwat dan mukadimah zina sahaja.<sup>7</sup> Ini mungkin kerana pembuktian kesalahan zina terlalu sukar kerana ia memerlukan kepada empat orang saksi yang benar-benar menyaksikan kejadian tersebut, ataupun disebabkan peruntukan penalti bagi kesalahan zina tidak lebih daripada \$3,000 atau penjara tidak lebih dari 2 tahun itu tidak memenuhi hukuman hudud yang sebenar.

Manakala meminum minuman yang memabukkan yang dianggap suatu kesalahan

dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam itupun hanya apabila ia dilakukan di khalayak ramai.

“Mana-mana orang Islam melakukan sebarang perbuatan minum arak atau sebarang minuman yang memabukkan di khalayak ramai atau di mana-mana tempat awam adalah melakukan kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak lebih daripada \$100.00 atau penjara tidak lebih dari 15 hari.”<sup>8</sup>

Peruntukan di atas tidak menepati dengan konsep kesalahan minum arak dalam Islam kerana seorang peminum arak sama ada di khalayak ramai atau di rumahnya sendiri dan sama ada peminumnya itu mengganggu ketenteraman orang atau tidak adalah dianggap telah melakukan satu kesalahan menurut Islam.

Kesalahan hudud yang lain seperti mencuri, merompak, murtad, melemparkan tuduhan palsu zina (Qazf) dan kesalahan-kesalahan qisas seperti membunuh dan mencederakan tubuh badan tidak diperruntukkan dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam di negeri-negeri di Malaysia. Akan tetapi setiap kesalahan seperti membunuh, mencederakan anggota badan, merompak, mencuri dan sebagainya terkandung dalam *Kanun Keseksaan Negara*.

Ini menunjukkan bahawa mahkamah-mahkamah Syariah di negeri-negeri di Malaysia mempunyai bidang kuasa yang sangat terbatas sama ada dari segi jenis-jenis kesalahan yang boleh dibicarakan di mahkamah Syariah mahupun dari segi hukuman yang boleh dikenakan ke atas pesalah-pesalah berkenaan. Hal ini berlaku kerana ia ditentukan oleh undang-undang persekutuan, *Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah)* 1965 yang menghadkan kuasa kepada mahkamah-mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman denda tidak melebihi \$1,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Akta ini telah dipinda pada tahun 1984 juga peruntukan hukuman maksimum kepada mahkamah syariah iaitu denda tidak lebih daripada \$5,000 atau penjara tidak lebih dari 3 tahun atau rotan tidak lebih daripada 6 kali atau mana-mana campuran hukuman tersebut. Oleh itu tidaklah menghairankan kenapa mahkamah-mahkamah syariah tidak dapat menjalankan hukuman hudud sepihama yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan al-Sunnah.

Bagaimana pula kedudukan kesalahan-kesalahan selain daripada zina dan meminum minuman yang memabukkan yang diperuntukkan dalam enakmen-enakmen pentadbiran undang-undang Islam di negeri-negeri di Malaysia seperti tidak mendaftarkan kahwin, atau cerai, kahwin poligami tanpa kebenaran mahkamah, tidak memberi zakat, mendirikan masjid tanpa kebenaran, mengajar ajaran salah, makan atau menjual makanan pada siang hari dalam bulan Ramadhan dan lain-lain lagi. Adakah kesalahan ini boleh dikategorikan sebagai kesalahan ta’zir dalam Islam.

Menurut undang-undang jenayah Islam kesalahan ta’zir adalah terlalu banyak iaitu boleh dikatakan semua kesalahan atau maksiat sama ada kerana melanggar larangan-larangan syarak atau meninggalkan perintah-perintah syarak selain daripada kesalahan jenis hudud dan qisas adalah termasuk dalam kategori kesalahan ta’zir. Akan tetapi kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam enakmen-enakmen tersebut terlalu terbatas, bukan sahaja yang berkaitan dengan kesalahan hudud bahkan kesalahan yang pada zahirnya boleh dianggap sebagai ta’zir juga sangat terhad.

Manakala peruntukan hukuman yang ada dalam enakmen-enakmen pentadbiran agama Islam di negeri-negeri pula diletakkan dalam satu kategori sahaja iaitu dengan hukuman maksimum denda tidak lebih daripada \$5,000 atau penjara tidak lebih dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.<sup>9</sup> Dengan tidak membezakan sama kesalahan-kesalahan itu jenis hudud seperti zina dan minuman yang memabukkan atau kesalahan-kesalahan lain seperti nikah tanpa kebenaran, meninggalkan isteri, perceraian tanpa kebenaran mahkamah, tidak menunaikan sembahyang Jumaat, mengajar agama tanpa tauliah dan sebagainya.

*"Mana-mana lelaki atau perempuan Islam didapati bersetubuh dengan seorang perempuan atau seorang lelaki bukan Islam adalah melakukannya zina dan apabila sabit kesalahan bolehlah dihukum dengan denda tidak lebih daripada \$1,000 atau penjara tidak lebih dari enam bulan atau kedua-duanya sekali."*<sup>10</sup>

*"Mana-mana orang Islam melakukan sebarang perbuatan minuman arak atau sebarang minuman yang memabukkan di khalayak ramai atau mana-mana tempat awam adalah melakukan kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak lebih daripada \$100.00 atau penjara tidak lebih dari 15 hari dan bagi kesalahan yang berikutnya denda tidak lebih daripada \$250.00 atau penjara selama tidak lebih dari satu bulan atau kedua-duanya sekali."*<sup>11</sup>

Cuba kita bandingkan pula dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan kahwin poligami tanpa kebenaran, tidak menunaikan salat Jumaat dan mengajar agama tanpa tauliah.

*"Jika seseorang lelaki berkahwin lagi di mana-mana jua pun dalam masa perkahwinannya yang sedia ada masih berterusan tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada mahkamah, maka ia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum dengan denda tidak lebih daripada \$1,000 atau dengan penjara tidak lebih dari 6 bulan atau dengan kedua-duanya sekali."*<sup>12</sup>

*"Mana-mana lelaki yang akil baligh tidak menunaikan sembahyang Jumaat di masjid kawasannya tiga kali berturut-turut dengan tiada keuzuran syar'i dan dengan tiada sebab-sebab yang munasabah, adalah melakukan kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak lebih daripada satu ratus ringgit atau penjara selama tidak lebih dari 15 hari atau kedua-duanya sekali."*<sup>13</sup>

*"Sesiapa kecuali di tempat kediamannya sendiri dan di hadapan ahli-ahli rumahnya sahaja mengajar sebarang hukum atau ajaran agama*

*Islam dengan tiada mempunyai tauliah daripada ke bawah D.Y.M.M. Sultan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada \$500.00 atau penjara tidak lebih dari 3 bulan.”<sup>14</sup>*

Daripada peruntukan-peruntukan dalam enakmen berhubung dengan kesalahan dan hukuman di atas jelas menunjukkan bahawa walaupun antara kesalahan zina dan minuman yang memabukkan dengan kesalahan-kesalahan seperti tidak menunaikan sembahyang Jumaat, mengajar tanpa tauliah, poligami tanpa kebenaran itu berbeza-beza kategorinya dalam undang-undang jenayah Islam tetapi dalam enakmen berkenaan kesalahan-kesalahan tersebut diletakkan dalam satu kategori sahaja. Begitu juga jenis hukumannya adalah sama bentuknya iaitu didenda atau dipenjara, walaupun kadarnya berbeza-beza.

Hukuman bagi pesalah zina yang telah sabit kesalahannya menurut undang-undang jenayah Islam ialah direjam sampai mati bagi pesalah-pesalah zina yang sudah berkahwin dan disebat sebanyak 100 kali bagi pesalah-pesalah yang belum berkahwin. Manakala bagi pesalah minuman yang memabukkan pula hukumannya ialah disebat sebanyak 80 kali atau 40 kali menurut sesetengah pendapat.<sup>15</sup>

Berhubung dengan hukuman denda dan penjara yang diperuntukkan dalam enakmen-enakmen berkenaan walaupun pada zahirnya menyerupai dengan hukuman ta’zir dalam Islam, tetapi jika diteliti secara mendalam, terdapat perbezaan yang jauh antara kedua-duanya.

Antara perbezaan-perbezaan itu ialah:

1. Hukuman ta’zir dalam Islam walaupun tidak dinyatakan secara terperinci dalam al-Quran dan al-Sunnah tetapi ialah tetap bersumberkan *al-Quran, al-Sunnah, al-Ijma’* dan *al-Qiyas* sedangkan peruntukan-peruntukan hukuman dalam enakmen pentadbiran agama Islam di Malaysia bersumberkan undang-undang negara, adat resam Melayu dan juga undang-undang Islam. Tetapi jika berlaku percanggahan antara ketiga-tiga sumber tersebut maka undang-undang negaralah yang mengatasinya.<sup>16</sup>

2. Kesalahan dan hukuman-hukuman dalam ta’zir sangat luas, iaitu merangkumi semua kesalahan selain daripada kesalahan hudud dan qisas. Sedangkan kesalahan dan hukuman yang diperuntukkan dalam enakmen berkenaan adalah sangat terhad. Oleh yang demikian mahkamah syariah di negeri-negeri di Malaysia hanya boleh membicarakan kes-kes yang telah dihadkan oleh undang-undang negara. Begitulah juga hakim-hakim mahkamah syariah tidak boleh menjatuhkan hukuman melebihi daripada peruntukan yang diberikan oleh undang-undang negara.<sup>17</sup>

3. Undang-undang ta’zir adalah sebahagian yang tidak dapat dipisahkan daripada undang-undang hudud dan qisas dalam sistem undang-undang jenayah yang menyeluruh. Oleh itu jika undang-undang hudud itu sendiri tidak dijalankan di sesebuah negeri, maka tidak timbulah undang-undang ta’zir kerana ia adalah sebahagian daripada undang-undang jenayah Islam yang dilaksanakan oleh *wali al-amr* yang adil serta menjalankan undang-undang hudud.<sup>18</sup>

## Kesimpulan Dan Cadangan

Daripada perbincangan di atas jelaslah bahawa undang-undang jenayah Islam belum lagi dijalankan di Malaysia. Ini disebabkan jenayah Islam yang diperuntukkan dalam enakmen pentadbiran agama Islam di Malaysia hanya yang berhubung dengan kesalahan zina dan minuman yang memabukkan. Manakala kesalahan hudud yang lain seperti mencuri, merompak, murtad, melemparkan tuduhan palsu berzina (*qazaf*) tidak diperuntukkan dalam enakmen. Lebih-lebih lagi hukuman bagi kesalahan zina dan minuman keras yang diperuntukkan dalam enakmen-enakmen berkenaan adalah bertentangan dengan undang-undang jenayah Islam. Selain daripada itu, dari segi keseluruhan peruntukan berhubung dengan kesalahan dan hukuman serta orang yang boleh dihukum dalam enakmen-enakmen berkenaan tidak menggambarkan undang-undang jenayah Islam kerana ia telah ditentukan oleh undang-undang negara melalui *Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) tahun 1965 pindaan 1984*.

Oleh yang demikian, untuk membolehkan undang-undang jenayah Islam dapat dijalankan di Malaysia, maka beberapa tindakan awalan perlulah diambil.

1. Sumber perundangan Islam hendaklah dijadikan sumber asas dan utama dalam undang-undang negara.
2. *Perkara 4(1) dalam Perlembagaan Persekutuan*, hendaklah dipinda dengan menegaskan bahawa mana-mana undang-undang yang berlawanan dengan undang-undang Islam hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu.
3. *Akta mahkamah syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965* pindaan 1984 hendaklah dipinda supaya Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa yang sewajarnya serta dapat menjalankan undang-undang *hudud*, *qisas* dan *ta'zir*. Walaupun mungkin pada peringkat percubaan diperuntukkan kepada orang-orang Islam sahaja.

Apabila undang-undang Islam dapat dijalankan secara meluas di Mahkamah-mahkamah Syariah, maka orang ramai akan kembali keyakinan kepada undang-undang Islam sebagai undang-undang yang tertinggi dan yang terbaik sesuai pada setiap zaman dan tempat.

**Nota Kaki**

1. Al-Zaila'i, *Tabyin al-Haqaiq*, Vol. VI, h. 97; Ibnu Qudamah, *Al-Mughni*, Vol. IX, h. 318.
2. Ibid, Al-Shirazi, *Al-Muhadhdhab*, Vol. II, h. 173.
3. Al-Shirazi, op.cit., h. 216, Al-Zaila'i, op.cit., Vol. III, h. 167.
4. Abu Hurairah, *Al-'Uqbah*, h. 39-41.
5. Ahmad Ibrahim, Prof. Tan Sri, *Islamic Law in Malaya*, Kuala Lumpur 1975, h. 316
6. Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Melayu Pahang 1982, Sek. (146): Selangor Enakmen No. 3, 1952, Sek. 158(3); Johor Enakmen bil. 14, 1978, Sek. 153 (1 & 4).
7. Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu bil. 12 1986, Sek. 192 & 193; Enakmen Kanun Jenayah Syari'ah Kelantan, bil. 2, 1985, Sek. 11 - 12.
8. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 1978, Sek. 144; Enakmen Pahang, No. 8, 1982, Sek. 136; Enakmen Selangor, No. 3, Tahun 1952, Sek. 151.
9. Akta Mahkamah Syari'ah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984.
10. Enakmen Pentadbiran Agama Islam & Adat Resam Melayu Pahang, No. 8, Tahun 1982, Sek. 149(1).
11. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor, 1979, Sek. 144.
12. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor, 1984 Sek. 123, lihat lain-lain Enakmen.
13. Enakmen Pentadbiran Agama Johor 1978, Sek. 143. Lihat lain-lain Enakmen.
14. Enakmen Pahang, No. 8, Tahun 1982, Sek. 161.
15. 'Abdul Qadir 'Audah, *Al-Tashrie' al-Jinai' al-Islami*, Beirut, Vol. II, h. 505-507.
16. Perlembagaan Persekutuan, Perkara 4(1).
17. Lihat Ahmad Ibrahim, Prof. Tan Sri, *Ke Arah Islamisasi Undang-undang Di Malaysia*, h. 19.
18. Abu Zahrah, al-'Uqbah, h. 85.